

# Lawatan Tawau Green Energy Ke SST

Artikel oleh: P.M Dr Baba Musta

Pada Nov 2012 seramai lima orang rombongan dari Tawau Green Energy (TGE) Sdn Bhd telah melawat SST. TGE merupakan syarikat yang menjalankan kajian kesesuaian dan penentuan tapak untuk menjana tenaga daripada sumber geothermal yang terletak berhampiran dengan Gunung Andrassy Tawau. Sumber tenaga geothermal adalah sumber tenaga hijau yang boleh diperbaharui. Tawau dipilih sebagai tempat untuk tapak ini kerana ia merupakan kawasan yang strategik yang terdiri daripada batuan voleanik dan hampir dengan permukaan. Rombongan TGE

diketuai oleh En. Charles K. Dalansing bersama 4 orang ahli geologi iaitu dua orang ahli geothermal dari Filipina (En. Armando Licup dan Ms. Xyra Omac) yang mengikat kontrak dengan TGE dan dua lagi ahli geologi dari Malaysia iaitu Cik Zafirah Zamhari seorang alumni SST En. Andryno Payer. Kunjungan mereka bertujuan mengajakan kerjasama penyelidikan berkaitan pemetaan dan geothermal khususnya di Tawau, dan juga penghantaran pelajar untuk menjalankan Latihan Industri di TGE.

